



Rujukan: UKM PDF/224/3
Tarikh: 15 Jamadirawal 1439H
/ Februari 2018

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 3/2018

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**


YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SYARAT DAN KRITERIA BAHARU PELANTIKAN JAWATAN GRED 51

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa sesuai dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 11/2017 pada 5 Oktober 2017, pihak Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan Syarat dan Kriteria Baharu Pelantikan Jawatan Gred 51 seperti berikut:

- i. Telah lulus Ph.D atau Sarjana Kepakaran;
- ii. **Pensyarah Universiti DS51 dan Pensyarah Farmasi DUF51** disyaratkan untuk menerbitkan tiga (3) penulisan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus/ISI atau sebuah buku berwasit terbitan penerbit tersohor sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Universiti DS51/Pensyarah Farmasi DUF51 (semasa berkhidmat sebagai Tutor atau Pensyarah Sementara atau pengajian di peringkat Ph.D);
Pensyarah Perubatan DU51 dan Pensyarah Pergigian DUG51 disyaratkan untuk menerbitkan tiga (3) penulisan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus/ISI atau buku berwasit atau tiga (3) *case report* dalam jurnal diindeks oleh Scopus/ISI sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Perubatan DU51/Pensyarah Pergigian DUG51 (semasa berkhidmat sebagai Pensyarah Pelatih atau pengajian di peringkat Ph.D/Sarjana Kepakaran);
- iii. telah membentangkan kertas kerja sekurang-kurangnya sekali di dalam persidangan dalam bidang pengajian; dan
- iv. kelayakan atau keperluan lain yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

2. Untuk makluman dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018**. Sehubungan itu, sukacita YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat menghebahkan kepada semua staf akademik di bawah pengawasan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-89118223/8247 Faksimili: +603-89118259 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan bagi memastikan syarat dan kriteria baharu berikut dipenuhi bagi setiap permohonan lantikan jawatan Gred 51 di semua Fakulti/Institut/Pusat. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Zoraini Ibrahim di talian 03-8911 8223 / e-mel : zoraini@ukm.edu.my atau Puan Yuhanis Abas di talian 03-8911 8247 / e-mel : yuhanis@ukm.edu.my, Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Salam hormat,


ABD RAZAK HUSSIN

Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-89118223/8247 Faksimili: +603-89118259 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>